



Transformasi dan Modernisasi Kepimpinan Murut di Bawah Pemerintahan British, 1881–1963

Transformation and Modernisation of Murut's Leadership under British Rule, 1881–1963

*EDDIE A. JULIUS
DANNY WONG TZE KEN

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: edyajl508@gmail.com

Published online: 31 October 2025

To cite this article: Eddie A. Julius and Danny Wong Tze Ken. 2025. Transformasi dan modernisasi kepimpinan Murut di bawah pemerintahan British, 1881–1963. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(2): 103–129. <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.2.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.2.6>

Abstract. This study examines the transformation of the traditional leadership system of the Murut community in North Borneo (now Sabah) during British administration, focusing on changes in the structure, function and roles of traditional leaders, as well as the emergence of modern leaders. Although there are studies on the Murut community, understanding of how their leadership system adapted to colonial influence remains limited. This study addresses the question of how British modern administration influenced the traditional leadership system of the Murut. The findings of the study show that Murut's traditional leadership institutions centred on the tribal system have undergone significant changes through the implementation of government policies such as the Village Administration Proclamation 1891, the Native Chief Classification Scheme 1912 and the Indigenous Administration Ordinance 1937. Traditional leaders including Orang Tua and tribal chiefs were either replaced or incorporated into modern administrative roles such as Village Headmen and Native Chiefs. These positions were assigned new responsibilities, which included the management of Native Courts. This study employs a historiographical approach with qualitative and descriptive methods, analysing primary documents such as *The British North Borneo Herald*, North Borneo Secretariat Files, and Colonial Office records, as well as secondary sources. This study makes an important contribution to understanding the transformation and modernisation of Murut leadership under British influence and its implications for the socioeconomic aspects of the Murut community. Further research is needed to explore the role of modern Murut leaders in the post-independence era.

Keywords and phrases: Murut, North Borneo, leadership, village headmen, Native Chief

Abstrak. Kajian ini meneliti transformasi sistem kepimpinan tradisional masyarakat Murut di Borneo Utara (kini Sabah) semasa pentadbiran British dengan fokus terhadap perubahan struktur, fungsi dan peranan pemimpin tradisional serta kemunculan golongan pemimpin moden. Walaupun terdapat kajian mengenai masyarakat Murut, pemahaman tentang adaptasi sistem kepimpinan mereka terhadap pengaruh kolonial masih terhad. Kajian ini menjawab persoalan bagaimana pentadbiran moden British mempengaruhi sistem kepimpinan tradisional Murut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa institusi kepimpinan tradisional Murut yang berpusat pada sistem suku mengalami perubahan signifikan melalui pelaksanaan dasar kerajaan antaranya seperti Proklamasi Pentadbiran Kampung 1891, Skim Klasifikasi Ketua Anak Negeri 1912 dan Ordinan Pentadbiran Peribumi 1937. Pemimpin tradisional iaitu Orang Tua dan ketua suku digantikan atau disepadukan dalam jawatan pentadbiran moden yang dikenali sebagai Ketua Kampung dan Ketua Anak Negeri dengan tanggungjawab baharu seperti pengendalian Mahkamah Anak Negeri. Kajian ini menggunakan pendekatan historiografi dengan kaedah kualitatif dan deskriptif serta menganalisis dokumen primer seperti *The British North Borneo Herald*, *North Borneo Secretariat File* dan rekod *Colonial Office* serta sumber sekunder. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami transformasi dan modenisasi kepimpinan Murut di bawah pengaruh British dan implikasinya terhadap sosioekonomi masyarakat Murut. Kajian lanjut diperlukan untuk meneliti peranan pemimpin moden Murut dalam era pasca-kemerdekaan.

Kata kunci dan frasa: Murut, Borneo Utara, kepimpinan, Orang Tua, Ketua Anak Negeri

Pengenalan

Masyarakat Murut di Borneo Utara¹ (dikenali sebagai Sabah² bermula pada tahun 1963) dapat diklasifikasikan kepada lapan suku utama iaitu Bokan, Nabai, Timogun, Kolor, Peluan, Semambu, Tagal dan Tenggara. Walaupun berkongsi beberapa persamaan dengan suku Lundayeh di Kalimantan dan Murut Sarawak,³ namun aspek linguistik dan struktur sosial masyarakat Murut di Borneo Utara menunjukkan perbezaan yang ketara (Spitzack 1984, 157). Skop kawasan kajian ini tertumpu kepada daerah-daerah yang mempunyai taburan masyarakat Murut di Borneo Utara, meliputi kawasan majoriti masyarakat Murut seperti Daerah Tenom, Keningau dan Rundum/Pensiangan, serta kawasan yang mempunyai taburan minoriti Murut seperti Sipitang, Beaufort dan Kinabatangan. Tempoh kajian bermula dari tahun 1881 sehingga 1941 iaitu ketika zaman pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Kemudiannya kajian diteruskan ketika pemerintahan kerajaan British dari tahun 1946 sehingga 1963. Kajian ini lebih tertumpu pada era pemerintahan British dan mempunyai keterbatasan kerana tidak membincangkan perkembangan kepimpinan masyarakat Murut pada zaman pemerintahan Jepun dari tahun 1942 sehingga 1945.

Metodologi Kajian

Metodologi dalam kajian historiografi ini dilakukan melalui pendekatan secara perbandingan dan bersifat kualitatif serta deskriptif. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan arkib yang dilaksanakan di Arkib Negara Malaysia (Kuala Lumpur), Pusat Sumber Cowie (Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu), Perpustakaan Utama (Universiti Malaya), Perpustakaan Peringatan Za'ba (Universiti Malaya), Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd Fuad Stephens (Yayasan Sabah), Perpustakaan Muzium Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Negeri Sabah. Analisis dokumen primer seperti *The British North Borneo Herald* (BNBH), *North Borneo Secretariat File* (NBSF) dan rekod *Colonial Office* (CO) serta sumber sekunder merangkumi buku, bab dalam buku dan artikel telah dilakukan demi mencapai objektif sejarah dalam kajian ini. Kajian ini turut mengaplikasikan teknik heuristik, kritik, tafsiran dan sintesis terhadap sumber primer dan sekunder.

Kajian Lepas

Kajian oleh Tregonning (1960), Whelan (1968, 1970), Buckley (1965) dan Buyong (1981) memberi gambaran umum tentang sejarah Borneo Utara tetapi tidak mendalami masyarakat Murut. Padasian (1981) pula hanya memberi gambaran visual tentang perkembangan Borneo Utara melalui paparan gambar-gambar. Manakala artikel oleh Gueritz (1884), Lovegrove (1912) dan Kahin (1947) lebih tertumpu kepada pentadbiran SBUB. Chow (2016) pula hanya menghuraikan perkembangan daerah Keningau semasa pemerintahan British.

Kajian oleh Lee (1976), Warren (1971), Khoo (1981), Sabihah (1985), Wong (1998, 2004, 2005) dan Siti Aidah (2007) lebih menumpukan kepada aspek perkembangan sosioekonomi dan pentadbiran tetapi tidak menyentuh secara khusus tentang masyarakat Murut. Kajian oleh Lee (1962) dan Jones (2007) pula hanya menumpukan aspek demografi masyarakat.

Roth (1896a) menyentuh sedikit tentang organisasi sosial dan kepimpinan masyarakat Murut yang berasaskan sistem suku seperti Nabai, Bokan dan Peluan. Rutter (2007/1929; 2008/1922), Tregonning (1958, 1965), Black (1983) dan Singh (2000) telah menghuraikan secara umum tentang nilai, norma, sistem kepimpinan tradisional dan moden masyarakat Murut. Keith (2010/1939) dan Holley (2004) melalui kajian genre naratif sejarah lebih menyentuh tentang peranan pemimpin masyarakat Murut seperti Arusap (suku Bokan) dan Semporna Numpal (suku Tenggara).

Berdasarkan kajian lepas, kebanyakan kajian sedia ada berkaitan masyarakat Murut ketika zaman pemerintahan SBUB dan kerajaan British lebih tertumpu kepada aspek antropologi, sosiologi, demografi, sistem adat dan sosioekonomi. Jurang kajian yang ketara ialah kurangnya kajian tentang sistem kepimpinan tradisional dan moden masyarakat Murut. Justeru, kajian ini bertujuan mendalami aspek kepimpinan masyarakat Murut, sekali gus menyumbang kepada pemahaman sejarah kepimpinan peribumi di Borneo Utara. Kajian ini turut meneliti dasar-dasar pentadbiran British yang mengubah struktur dan fungsi kepimpinan tradisional masyarakat Murut serta menandakan peralihan ke arah sistem kepimpinan yang lebih berpusat dan moden.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hierarki kepimpinan suku Murut

Golongan pemimpin tradisional peribumi di Borneo Utara mempunyai pengaruh dan kuasa kepimpinan mengikut kawasan tertentu. Hal ini menjelaskan tentang munculnya hierarki kepimpinan peribumi. Menurut Rutter (2007/1929, 60):

Setiap rumah panjang atau kelompok rumah yang wujud secara berasingan akan mempunyai seorang ketua yang diiktiraf oleh komuniti. Jika terdapat beberapa rumah panjang di sepanjang sungai yang sama atau beberapa kampung kecil di kawasan yang sama, maka mereka akan dipimpin oleh seorang ketua yang lebih tinggi kedudukannya. Dalam sesetengah kawasan, semua kampung akan tunduk kepada seorang ketua utama yang dihormati sebagai pemimpin, walaupun pengiktirafan tersebut adalah secara tidak langsung [terjemahan oleh penulis].

Lazimnya, dalam kalangan masyarakat peribumi telah wujud pecahan kepada pelbagai suku. Seperti dinyatakan oleh Treacher (1891, 137): “Kaum peribumi terbahagi kepada beberapa suku kecil yang bertutur dalam dialek yang amat berbeza antara satu sama lain dan lazimnya bermusuhan sesama sendiri” [terjemahan oleh penulis]. Dalam masyarakat Murut, aspek kepimpinannya berkembang menerusi sistem suku di kawasan masing-masing. Definisi suku dalam masyarakat Murut dapat difahami sebegini:

Misalannya, kumpulan sub-etnik Murut seperti Timogun, Nabai dan Peluan adalah mendiami kawasan tertentu yang telah didominasi serta merupakan musuh ketat antara mereka.... Setiap sub-etnik seperti Timogun terdiri daripada ahli-ahli komuniti rumah panjang yang membentuk unit asas dalam rangka sosial mereka. Struktur sosial seperti ini dikenali sebagai “suku” [terjemahan oleh penulis]. (Singh 2000, 37-38)

Dalam struktur sosial suku Murut terdapat unit asas keluarga yang dipimpin oleh bapa (*ama*) sebagai ketua keluarga. Unit keluarga dalam masyarakat Murut dianggotai oleh bapa (*ama*), ibu (*ina*) serta adik-beradik (*sangkaka*) iaitu adik, abang dan kakak yang mendiami secara bersama di kediaman rumah persendirian (*sulap*) atau tinggal bersama dalam ruang kediaman yang berasingan dalam sesebuah rumah panjang (Landgraf 1956, 13).

Bagi menerangkan unit keluarga asas masyarakat Murut, dipetik satu keterangan yang menggambarkan keluarga asas suku Peluan yang mendiami rumah panjang di Peputak, Hulu Sungai Padas sekitar tahun 1887. Dinyatakan bahawa:

Setiap keluarga tinggal di ruang kecil yang dipisahkan dengan dinding kulit kayu. Biasanya, sehingga enam orang tidur rapat bersama dan ketua keluarga akan sentiasa menyimpan lembing dan parang di sisinya untuk keselamatan [terjemahan oleh penulis]. (Forbes-Mosse 1887)

Selanjutnya, setiap rumah panjang atau kampung mempunyai ketua yang digelar dalam suku Tagal sebagai *ruyun* atau dikenali sebagai Orang Tua (OT) yang memimpin sesebuah rumah panjang atau perkampungan. Dalam dialek Bokan, OT dikenali sebagai *Matuo nu Samayaan* yang memimpin sesebuah kampung (*samayaan*). Misalnya pada tahun 1893, di Kampung Kindasan (*Samayaan nu Kindasan*) mempunyai *Matuao nu Samayaan* (ketua kampung) iaitu Balun. Balun dilaporkan bertanggungjawab dalam aspek seperti membantu mengekalkan keamanan dan keselamatan penduduk di bawah arahan majistret Eropah iaitu J.E.G. Wheatley (Wheatley 1893a).


Kemudian, muncul pula golongan ketua suku yang memimpin beberapa rumah panjang atau kampung dalam satu kawasan tertentu sama ada dalam lingkungan jajaran sungai, lembah atau perbukitan. Bagi kawasan Bokan (*watas nu Bokan*), pemimpin suku digelar sebagai *Puruan Tadung*. Gelaran pemimpin suku Peluan, Timogun dan Tagal pula masing-masing dikenali sebagai *Ulun Antung*, *Tinanggai* dan *Kalawon*. Ketua suku lazimnya mempunyai pengaruh yang luas dan dihormati dalam kalangan komuniti mereka. Sebagai contoh, dalam suku Semambu telah wujud peranan ketua suku seperti dinyatakan oleh Appell (1968, 12):

Pada masa lampau, komuniti Murut Semambu mempunyai ketua suku dan organisasi kepimpinan yang wujud di peringkat lebih tinggi daripada kampung. Keadaan ini sememangnya tidak terdapat dalam etnik Dusun dan Rungus, iaitu kampung merupakan unit kepimpinan utama serta tiada sebarang bentuk integrasi di peringkat yang lebih tinggi daripada institusi kampung [terjemahan oleh penulis].

Demikian juga telah muncul ketua suku Nabai iaitu Jeludin yang berpengaruh serta agak kaya di Keningau sekitar tahun 1880-an sehingga 1900. Jeludin memimpin beberapa OT Nabai seperti OT Kaduan dari Kampung Dangulad dan OT Luandie dari Kampung Tuarid. Beliau mahir berbahasa Melayu dan sering menemani serta membantu pegawai kerajaan iaitu J.E.G. Wheatley (Majistret Pedalaman) bagi menyelesaikan kes yang melibatkan kehakiman peribumi di Keningau sekitar tahun 1890-an (Wheatley 1893b, 229).

Bagi suku Tagal pula, terdapat ketua suku berwibawa seperti Antak dan Ansuyu pada sekitar tahun 1900-an. Antak memimpin komunitinya yang agak ramai di perkampungan yang terletak di kawasan pertemuan Sungai Siliu dan Sungai Tagul (Pensiangan). Sejarah kepemimpinan Antak digambarkan sebagai: "Antak was formerly a chief of great power, levying taxes on those coming up the river from Balungan, and history says that at one time he was powerful enough to attack the Tidoengs of Lotong, some days downstream" (*Despatches* 1907, 1309). Kepimpinan Ansuyu pula begitu berpengaruh di kawasan Kuala Sibangali: "Ansuyu is a chief of considerable influence, the power having descended to him from father to son through four generations" (BNBH 1909, 142).

Hierarki kepemimpinan tradisional masyarakat Murut yang berkembang amalannya melalui sistem kesukuan adalah seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Hierarki kepemimpinan tradisional masyarakat Murut

Sistem kepemimpinan tradisional Murut

Di kepulauan Borneo, institusi kepemimpinan dalam kalangan suku Dayak Darat bersifat tradisional. Sebagai contoh, kepimpinan terdiri daripada Orang Kaya selaku ketua, diikuti oleh Pangara (pemimpin atasan) dan Panglima (ketua pahlawan). Sementara itu, setiap rumah panjang mempunyai Tuah (orang tua) yang menetap di ruang tengah rumah panjang dan bertanggungjawab menyelesaikan pertelingkahan serta melaksanakan peranan kebajikan (Roth 1896b, 224).

Bagi masyarakat peribumi terbesar di Borneo Utara, iaitu suku Dusun, struktur kepemimpinan mereka bersifat tradisional dan digambarkan seperti berikut: “Each village is separate government, and almost each house independent. They have no established chiefs, but follow the councils of the old men to whom they are related” (Singh 2000, 225). Kebiasaannya, bagi suku Dusun yang mendiami rumah panjang, mereka akan mempunyai seorang ketua, sebagaimana dinyatakan: “Each room belongs to a family, and one big room at the end of the row is the room of the ‘kampong-kapala’ or village headman” (Gudgeon 1913, 24).

Dalam masyarakat Murut pula, struktur kepemimpinan tradisional berkembang melalui sistem kesukuan. Woolley (2004, 15) menerangkan tentang kepemimpinan suku Timogun seperti berikut:

Setiap komuniti membentuk sebuah kampung yang dipimpin oleh Ketua masing-masing, manakala rumah-rumah lain dalam komuniti tersebut berada di bawah kepemimpinan ketua-ketua bawahan. Sebuah rumah panjang yang berdiri sendiri juga dikategorikan sebagai sebuah kampung. Secara teorinya, ketua-ketua kampung ini mempunyai kuasa yang setara antara satu sama lain; mereka boleh dirujuk untuk mendapatkan pandangan, namun tidak boleh diberikan arahan secara langsung [terjemahan oleh penulis].

Lazimnya, golongan pemimpin tradisional turut memainkan peranan kehakiman dalam komunitinya dengan berlandaskan adat suku masing-masing. Perkara ini telah dinyatakan khususnya di kawasan pedalaman Borneo Utara pada tahun 1884: “In the interior, amongst the aborigines, justice is administered by the old men or tuahs, according to the ancient customs of each tribe” (BNBH 1884, 2). Sesungguhnya sistem dan institusi kepemimpinan tradisional adalah bertunjangkan adat dan tradisi leluhur suku masing-masing. Woolley (dalam NBSF No. 735 1935, 8–9) menjelaskan perkara ini dengan lebih terperinci:

Setiap kampung mempunyai ketua dan golongan Tua yang diiktiraf serta mempunyai satu sistem adat (undang-undang adat) yang diketahui umum, walaupun ia mungkin berbeza antara daerah atau bahkan dalam kawasan tertentu bagi daerah yang sama. Ketua-ketua kampung bertanggungjawab melaksanakan adat ini, manakala golongan Tua memperoleh kedudukan mereka berdasarkan usia, pengalaman dan keperibadian. Jawatan ketua tidak diwarisi secara turun-temurun, sebaliknya ia merupakan kedudukan yang diberikan secara sukarela oleh masyarakat kepada individu yang mempunyai kemahiran, keperibadian atau kehebatan dalam peperangan sehingga berjaya menarik pengikut. Sesiapa yang tidak bersetuju atau tidak berpuas hati dengan ketua boleh memilih untuk meninggalkannya

dan menyertai pemimpin lain yang sudi menerimanya. Paling utama ialah kuasa ketua tidak bersifat autokratik; sebarang isu atau pertikaian yang timbul akan dibincangkan secara bersama antara ketua dengan golongan Tua. Namun begitu, golongan muda juga boleh menyuarakan pendapat mereka pada akhir perbincangan. Dalam isu-isu besar, kampung-kampung jiran turut serta dengan kaedah perbincangan tetap diamalkan. Sistem ini jelas menunjukkan satu contoh “pemerintahan berasaskan persetujuan” [terjemahan oleh penulis].

Dalam kepimpinan tradisional masyarakat Murut, sifat keberanian atau kepahlawanan merupakan antara ciri kepimpinan bagi seseorang OT atau ketua suku. Sebagai contoh, pemimpin suku Timogun seharusnya mempunyai karakter seperti yang dinyatakan ini: “Must be reliable and brave; able to lead his people in war or raids, and of a calm and sound judgment for home affairs; a quarrelsome man who, drunk or sober, would disturb the peaceful home life of the community” (Woolley 2004, 15).

Jadual 1 menyenaraikan beberapa pemimpin tradisional masyarakat Murut yang terdiri daripada OT dan ketua suku yang mempunyai pengaruh kepimpinan di kawasan masing-masing ketika zaman pemerintahan SBUB.

Jadual 1. Golongan pemimpin tradisional suku Murut (sejak sebelum tahun 1880-an sehingga sekitar tahun 1910-an)

Ketua peribumi suku	Status kepimpinan	Kawasan/kampung	Pengaruh kepimpinan
Bokan			
Balun	OT	Kindasan	27 ketua keluarga
Sangeow	OT	Pau	25 ketua keluarga
Pengakwie	OT	Tulid	30 ketua keluarga
Kolor			
Lembuku Kesiog	OT	Lantikun	–
Aris	OT	Berbulu	–
Agong	OT	Bole	–
Nabai			
Jeludin	Ketua suku	Limbawan	–
Kaduan	OT	Dangulad	–
Luandie	OT	Tuarid	–

(Bersambung)

Jadual 1 (Sambungan)

Ketua peribumi suku	Status kepimpinan	Kawasan/kampung	Pengaruh kepimpinan
Peluan			
Raja Singa Sumbiling	Ketua suku	Rundum	500 orang
Tahi	Ketua suku	Peputak	Antara 300 hingga 600 orang
Lantangan	Ketua suku	Melaing, Dalit	180 pengikut lelaki
Semambu			
Orang Kaya Laut Sigir	Ketua suku	Semambu	300 orang
Linggam Epang	Ketua suku	Telokosan	5 OT dan 150 pengikut lelaki
Agiman	OT	Kapula, Sungai Balian	–
Tagal			
Antak	Ketua suku	Pensiangan	–
Ansuyu	Ketua suku	Kuala Simengali	–
Blayong	Ketua rumah panjang/OT	Ulu Tagul	3 buah rumah panjang
Tengara			
Raja Sempurna Numpal	Ketua suku	Kuamut	130 orang
Tankoyas	Ketua suku	Gamud	6 buah rumah panjang
Tumongong Muda	OT	Sungai Silala	–
Timogun			
Maharajah Oban	Ketua suku	Pegalan	80 pahlawan
Orang Kaya Maharajah Selingai	Ketua suku	Bukau	–
Panglima Prang	Ketua suku	Tenom	–

Sumber: Dikutip dan disusun berdasarkan penerbitan BNBH (1885–1910) dan *The British North Borneo Official Gazette* (1902)

Jadual 1 turut memaparkan nama pemimpin Murut yang mempunyai gelaran seperti maharaja, raja, panglima, tumongong muda atau Orang Kaya (OK) yang mencerminkan pengaruh dan status mereka dalam komuniti. Tidak dinafikan bahawa penggunaan beberapa gelaran bagi pemimpin Murut merupakan kesan daripada pengaruh kekuasaan Kesultanan Brunei di Borneo Utara. Seperti yang diketahui, telah wujud pelbagai gelaran yang sedemikian dalam institusi pemerintahan Kesultanan Brunei.⁴ Gelaran ini akhirnya diguna pakai dan masyhur dalam kalangan pemimpin Murut. Pihak SBUB dan kerajaan British pula telah mengadaptasi beberapa istilah seperti maharaja, OK dan Orang Kaya-Kaya (OKK) bagi menggelar pemimpin tertentu masyarakat Murut berdasarkan tahap pengaruh dan kuasa kepimpinan mereka. Seperti penggunaan gelaran OK atau OKK bagi pemimpin peribumi di Sabah, istilah tersebut sebenarnya berasal dari Brunei:

Gelaran Brunei digunakan apabila merujuk kepada Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung. Ketua Anak Negeri yang berada dalam Gred I diberikan gelaran Orang Kaya-Kaya. Gelaran ini pada asalnya merupakan gelaran tidak diwarisi yang dianugerahkan oleh Sultan. Ia membawa maksud yang lebih luas daripada terjemahan literalnya iaitu “Orang Kaya”. Ketua atau Orang Tua ialah gelaran Melayu biasa yang digunakan untuk ketua kampung [terjemahan oleh penulis]. (Headly 1949, 25)

Misalnya, dalam kalangan suku Peluan, muncul pemimpin tradisional yang bergelar OK. Sekitar tahun 1890-an, terdapat seorang pemimpin suku Peluan yang berstatus OK, iaitu OK Banda (Wheatley 1894, 176). Apabila ditafsirkan kewujudan gelaran OK ini, maka jelas menunjukkan bahawa pemimpin suku ini mempunyai status sosial yang lebih tinggi dalam komunitinya.

Gelaran “raja” turut digunakan oleh pemimpin suku Tengara yang berpengaruh sekitar tahun 1889 hingga 1890 di Kuamut, iaitu Raja Sempurna Numpal yang dikenali sebagai Raja Tengara (*King of the Tinggarah*). Keperibadian Raja Sempurna Numpal turut digambarkan seperti berikut: “The Rajah is a very superior man, and far and away above anyone else in the river. He is one of the best looking natives I have had the pleasure of meeting, and what is of more consequence, can be trusted” (BNBH 1890, 11). Di kawasan penempatan Sungai Silala, Kuamat pula terdapat seorang pemimpin suku Tengara yang dikenali dengan gelaran Tumongong Muda, yang dikatakan mempunyai sifat peramah (BNBH 1886d, 286).

Pemimpin suku Timogun di kawasan Pegalan, Tenom, iaitu Oban telah dianugerahkan gelaran Maharajah Pendarat oleh pihak SBUB. Seperti yang tertera dalam Notification No. 87 of 1888: “His Excellency the Governor has been pleased to confer the Title of Maharajah Pendarat on Oban of the Padas District” (*The British North Borneo Official Gazette* 1888, 564). Maharajah Pendarat atau dikenali juga sebagai Maharajah Oban merupakan pemimpin tradisional masyarakat Murut yang mendapat pengiktirafan gelaran secara rasmi daripada pihak SBUB pada tahun 1880-an.

Transformasi dan modenisasi kepemimpinan Murut

Institusi kepemimpinan tradisional masyarakat Murut telah mengalami perubahan besar akibat pengaruh pentadbiran moden British. Pemimpin peribumi tradisional di Borneo Utara, termasuklah kalangan pemimpin Murut sama ada OT dan ketua suku, mula menerima perubahan secara langsung melalui pelaksanaan Proklamasi No. 11, 1891. Proklamasi ini yang juga dikenali sebagai Sistem Pentadbiran Kampung telah dimasyhurkan oleh Gabenor Charles Vandeleur Creagh⁵ pada 1 Februari 1891. Dalam proklamasi tersebut, peranan dan bidang kuasa para OT atau Ketua Kampung (KK) serta ketua suku telah diperincikan kepada 13 perkara, antaranya membantu semua pegawai kerajaan dalam melaksanakan tugas mereka (*The British North Borneo Official Gazette* 1891, 87). Namun dalam proklamasi ini, sistem pelantikan atau pewarisan pemimpin yang bersifat tradisional masih dihormati oleh pihak kerajaan (Tregonning 1958, 113).

Perubahan sistem kepimpinan tradisional peribumi melalui proklamasi ini melibatkan beberapa aspek antaranya ialah pembahagian pemimpin tradisional kepada dua kategori, iaitu pemimpin yang diiktiraf dan pemimpin yang tidak diiktiraf. Pemimpin yang diiktiraf akan disatukan dalam sistem pentadbiran SBUB. Manakala ketua peribumi tradisional yang tidak diiktiraf akan dilucutkan kuasa kepimpinan terlebih dahulu dan secara perlahan-lahan kehilangan pengaruh serta peranan mereka dalam komuniti. Dalam kalangan pemimpin yang diiktiraf oleh kerajaan pula, mereka dibahagikan kepada dua kategori, iaitu ketua peribumi yang berbayar dan tidak berbayar (Sullivan dan Leong 1981, 99).

Sesungguhnya institusi kepimpinan peribumi mengalami pembaharuan ketara daripada amalan tradisionalnya kepada sistem bercirikan moden sejak pengisytiharan Proklamasi No. II, 1891 melalui pewujudan skim pembayaran emolumen bulanan oleh pihak kerajaan. Transformasi yang jelas dilihat ialah setiap pemimpin lantikan kerajaan mendapat bayaran antara \$5.00 sehingga \$40.00 serta masih mendapat satu pertiga daripada hasil cukai yang dipungut

oleh mereka. Terdapat juga bayaran elaun kepada OT yang bertindak sebagai Majistret Peribumi. Manakala kalangan OT yang tidak berbayar akan mendapat satu pertiga pungutan cukai jika dibayar terus kepada Pegawai Daerah atau satu persepuluh sekiranya diberikan kepada OT atau KK lantikan kerajaan yang mendapat bayaran gaji (Sullivan dan Leong 1981, 99).

Dalam pada itu, kepimpinan ketua peribumi berstatus OT mulai dikenali sebagai Ketua KK yang dilantik atas kuasa pegawai kerajaan. Dipetik klausa Pelantikan Ketua Kampung (*Appointment of Headmen*) dalam Proklamasi II, 1891 yang menjelaskan:

Pegawai yang bertanggungjawab dengan persetujuan Gabenor boleh melantik seorang atau lebih ketua di mana-mana kampung atau daerah. Semasa memilih ketua, pegawai perlu mempertimbangkan adat tempatan berkaitan pencalonan atau penggantian ketua serta keperluan yang berasaskan adat tersebut, selagi keadaan mengizinkan [terjemahan oleh penulis]. (*The British North Borneo Official Gazette* 1891, 86)

Peraturan Pentadbiran Kampung, 1903 yang menggantikan Proklamasi II, 1891 telah memperincikan bidang kuasa KK yang hampir menyamai tugas pemimpin yang bergelar Ketua Anak Negeri (KAN) atau pada asalnya dikenali sebagai ketua suku. Sebenarnya, Peraturan Pentadbiran Kampung, 1903 masih belum menggariskan secara jelas perbezaan gelaran bagi KK dan KAN. Hanya melalui Peraturan Pentadbiran Kampung, No. 5, 1913 yang telah menyatakan dengan jelas maksud gelaran bagi KK dan KAN. Gelaran KK ialah pemimpin di peringkat kampung yang dilantik oleh Pegawai Daerah dengan pengesahan Residen, manakala gelaran bagi KAN bermaksud Ketua Lantikan Kerajaan yang dilantik oleh Gabenor (Phelan 2003, 101–102).

Sememangnya pengaruh dan kuasa pemimpin tradisional Murut mulai menyusut akibat dasar pentadbiran moden oleh SBUB, terutamanya selepas pengisytiharan Proklamasi Pentadbiran Kampung pada tahun 1891 yang jelas mengurangkan kuasa pemimpin tradisional dan mengubah tatacara kepimpinan tradisional masyarakat Murut. Sepertimana situasi yang melibatkan sebilangan pemimpin masyarakat Murut daripada suku Tagal dan pemimpin suku Lundayeh:

Some of their chiefs' command considerable influence, but the growing sense of personal security tends to split the formerly compact villages into scattered groups of houses, each in charge of an elder native. Such have very little authority within their circle and none whatever outside it. This process is perhaps inevitable. It has done more than anything else to impair the power of the chiefs. (BNBH 1913a, 26)

Implikasi sosial akibat pengaruh dasar pentadbiran kerajaan terhadap institusi kepemimpinan masyarakat Murut ialah wujudnya pengiktirafan dan pengukuhan kuasa bagi pemimpin moden Murut. Golongan pemimpin moden yang dilantik oleh kerajaan seperti KK dan KAN diberikan kuasa pentadbiran dan tanggungjawab yang lebih formal termasuklah dalam aspek perundangan dan kehakiman. Hal ini mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat. Pemimpin moden ini juga menerima emolumen bulanan yang memberikan mereka status ekonomi yang lebih baik berbanding pemimpin tradisional yang tidak berbayar.

Selanjutnya, sistem adat Murut merupakan teras undang-undang yang digunakan dalam sesi pengadilan melibatkan komuniti Murut (Julius dan Wong 2024, 90). Namun, pelaksanaan sistem moden kerajaan terhadap komuniti Murut turut membawa perubahan dalam institusi kehakiman dan perundangan mereka. Walaupun pemimpin Murut masih terlibat dalam proses kehakiman berdasarkan sistem adat, peranan dan kuasa mereka tertakluk kepada peraturan moden yang dipantau oleh pihak kerajaan. Sementara itu, pewujudan Mahkamah Anak Negeri (MAN) yang diadaptasi dari sistem kehakiman moden telah mengubah tatacara penyelesaian konflik dan pelaksanaan keadilan secara tradisional dalam komuniti Murut. Pemimpin Murut yang dilantik sebagai majistret dalam MAN pula telah mengambil alih peranan pemimpin tradisional dalam menyelesaikan pertikaian. Sebagai contoh, laporan pada bulan April 1913 bagi Daerah Rundum menyatakan para pemimpin Murut telah mengendalikan sidang MAN di Sibungo yang diadaptasi hampir sama dengan sidang MAN di Rundum serta dijalankan sekali bagi setiap suku tahun. Modenisasi institusi kehakiman Murut seperti yang dilaksanakan di MAN Sibungo ini dilaporkan seperti berikut:

Mahkamah boleh bersidang lebih kerap jika diperlukan, namun tidak wajib melibatkan pegawai daerah seperti yang dilakukan sebelum ini. Ketua-ketua komuniti nampaknya lebih gemar jika mereka sendiri yang menguruskan kes-kes mereka selaras dengan prinsip Mahkamah Anak Negeri. Setiap kes akan dibicarakan di pejabat dan keputusan pula direkodkan oleh kerani dalam buku khas [terjemahan oleh penulis]. (BNBH 1913b, 127)

Sebenarnya, terdapat juga pemimpin Murut yang menentang pelaksanaan dasar kerajaan, khususnya dalam aspek percukaian minuman keras peribumi. Pada tahun 1914, berlaku tindakan mengingkari arahan pihak kerajaan oleh pemimpin Murut yang dilantikan apabila mereka enggan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Dilaporkan bahawa pemimpin Murut di Daerah Tenom iaitu OT Katang dan OT Bolongis telah dikenakan hukuman penjara oleh pihak kerajaan di bawah Peraturan Pentadbiran Kampung kerana enggan melaksanakan tugas mengutip bayaran cukai tapai seperti yang diarahkan (NBSF No. 1178 n.d, 58).

Pemimpin Murut di Rundum seperti Belayong pula dilihat tidak sehaluan dengan tatacara pentadbiran pegawai kerajaan sejak tahun 1913 sehingga 1914. Perkara ini tutur direkodkan seperti berikut:

Peperangan besar biasanya bermula dengan insiden kecil. Dalam peristiwa ini, permulaan konflik berlaku apabila seorang ketua Murut bernama Belayong menghantar mesej yang kasar kepada pegawai daerah. Belayong menyatakan bahawa beliau tidak mahu lagi bergantung kepada pihak kerajaan untuk perlindungan keselamatan daripada musuh serta enggan mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikenakan terhadap beliau sebagai sebahagian daripada komuniti Murut. Malah, Belayong memberi amaran bahawa jika pegawai daerah datang ke kampungnya, maka kemungkinan besar hanya segelintir sahaja yang akan pulang dengan selamat [terjemahan oleh penulis]. (BNBH 1919, 93)

Selanjutnya, terdapat polisi pihak kerajaan yang mendorong masyarakat Murut agar berpindah dari kawasan pedalaman ke kawasan lembah di Keningau disebabkan mempunyai tanah yang subur untuk diusahakan dengan penanaman padi sawah. Menurut pegawai kerajaan, inisiatif ini diharapkan dapat memberikan manfaat sosioekonomi kepada masyarakat Murut termasuklah perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh pihak kerajaan, terutama kemudahan perubatan dan pendidikan. Namun, timbul pertentangan dari sudut pemikiran pemimpin Murut sepertimana hujahan oleh para OT kepada pegawai kolonial yang ditulis oleh Ronald J. Brooks (1995, 3–34) dalam buku memoirnya: “We are hunters! If we go down to the plains, there is no game near us. We would have to return to the jungle for the animal food we need. Here it is all around us”. Hal ini menunjukkan bahawa tidak semua pemimpin Murut bersedia menerima peranan baharu mereka dalam sistem pentadbiran moden, terutama jika ia bertentangan dengan kehendak komuniti atau tatacara kehidupan tradisional mereka.

Pelantikan pemimpin suku lain di kawasan dominasi Murut pula telah menyebabkan pemimpin Murut menghadapi persaingan kuasa dan mengurangkan dominasi pengaruh kepimpinan mereka. Misalnya, pemilihan dan pelantikan pemimpin melalui Skim Klasifikasi KAN⁶ khususnya di Daerah Rundum bukan sahaja melibatkan pemimpin Murut, malah turut diwakili oleh pemimpin komuniti Tidong. Hal ini berlaku pada tahun 1917 apabila pelantikan KAN dengan gelaran Ketua Daerah Gred 1 di Daerah Rundum adalah disandang oleh pemimpin Tidong, iaitu Ating yang begitu berpengaruh di kawasan Kuala Tagul. Manakala KAN Murut di Daerah Rundum pada tahun 1917 ialah Enduat yang berpengaruh di kawasan Sumatalun dan Penguat di kawasan Rundum dengan kedua-duanya berstatus Ketua Sub-Daerah Gred III (*State of North Borneo Annual Report for 1917* 1917, 37).

Dari aspek pelarasan skim gaji, peluang ini telah dinikmati oleh pemimpin Murut di Residensi Pedalaman dan Residensi Pantai Barat melalui Skim Klasifikasi KAN pada tahun 1924, antaranya seperti Kandoi di Tenom serta Enduat dan Bentangan di Pensiangan. Kepemimpinan Kandoi misalnya, berupaya menjalankan tanggungjawab melaporkan beberapa perkembangan kes yang melibatkan hal-ehwal peribumi di Tenom secara terus kepada Residen Pedalaman (Moo-Tan 2018, 409). Jadual 2 memaparkan senarai pemimpin Murut yang dilantik sebagai KK dan KAN mengikut gred masing-masing di Residensi Pedalaman dan Residensi Pantai Barat berkuat kuasa pada tahun 1924. Jadual 3 pula menyenaraikan KAN Murut di Residensi Pedalaman pada tahun 1934.

Jadual 2. Pemimpin Murut yang tersenarai dalam Skim Klasifikasi KAN di Residensi Pedalaman dan Residensi Pantai Barat, Borneo Utara berkuat kuasa mulai tahun 1924

Bil.	Nama pemimpin	Daerah	Nilai gaji setahun	Jawatan
1.	Kandoi	Tenom	\$360.00	KAN Gred II
2.	Bagat	Tenom	\$180.00	KAN Gred III
3.	Enduat	Pensiangan	\$204.00	KAN Gred III
4.	Bentangan	Pensiangan	\$204.00	KAN Gred III
5.	Bangau	Sipitang	\$390.00	KAN Gred II
6.	Sarap	Sipitang	\$180.00	KAN Gred III
7.	Sipoi	Sipitang	\$180.00	KAN Gred III
8.	Panjail	Tenom	\$48.00	KK
9.	Tiasan	Tenom	\$36.00	KK
10.	Sendatu	Tenom	\$36.00	KK
11.	Muas	Pensiangan	\$84.00	KK
12.	Mamah	Pensiangan	\$84.00	KK
13.	Mekalau	Pensiangan	\$84.00	KK

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada NBSF No. 141 (1923)

Jadual 3. Senarai KAN Murut di Residensi Pedalaman, Borneo Utara bagi perjawatan tahun 1934

Bil.	Pemimpin	Kawasan/daerah	Gred	Gaji tahunan
1.	Bagat	Tenom (Daerah Tenom)	III	\$240.00
2	Langitan	Binai (Daerah Tenom)	III	\$240.00
3	Enduat	Simetalun (Daerah Pensiangan)	III	\$240.00
4	Bentangan	Siliu (Daerah Pensiangan)	III	\$240.00

Sumber: CO 531/25/8 (1934, 76)

Selanjutnya dalam mewujudkan transformasi kepimpinan peribumi, terdapat saranan oleh pegawai kerajaan agar pemilihan pemimpin Murut dan Dusun seharusnya diambil dalam kalangan mereka yang berpengalaman dalam pasukan polis:

Pada masa akan datang, pentadbiran yang melibatkan Ketua-ketua Anak Negeri boleh dipermudahkan dengan melantik individu dalam komuniti Murut dan Dusun yang kini berkhidmat dengan baik sebagai pegawai rendah dalam pasukan polis daerah. Mereka telah didedahkan dengan disiplin dan tatatertib serta sebahagian daripada mereka mampu menulis tulisan rumi dan Jawi. Walaupun begitu, mereka masih memahami dan dekat dengan pemikiran serta perasaan masyarakat mereka sendiri [terjemahan oleh penulis]. (*State of North Borneo Annual Report for 1918 1918*, 291)

Sememangnya telah muncul golongan pemimpin Murut yang pernah berkhidmat dengan pasukan polis. Sebagai contoh, Kandoi di Tenom merupakan individu yang telah mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan polis sebelum dilantik sebagai KAN pada tahun 1924. Dalam perkhidmatan kepolisannya, Kandoi telah dinaikkan pangkat daripada Lans Koperai kepada Koperai pada 1 September 1917 (*State of North Borneo Annual Report for 1917*, 38). Begitu juga bekas Ketua Inspektor Dualis telah diangkat sebagai Pemimpin Agung bagi suku Timogun selepas Perang Dunia Kedua (*Daily Express* 2014). Sigoh Bin Sangkunan yang dilantik sebagai KAN di Pensiangan pada tahun 1952 merupakan pemimpin yang pernah berkhidmat dalam pasukan polis. Beliau merupakan bekas sarjan dan turut mempunyai pengalaman dalam memegang jawatan pentadbiran sebagai Penolong Pegawai Daerah Pensiangan (Holley 2004, 91). Justeru, dapat dilihat bahawa muncul golongan pemimpin Murut yang mempunyai latar belakang dalam pasukan polis.

Di samping itu, anak-anak pemimpin Murut yang diberikan peluang untuk menimba ilmu di Sekolah Latihan Anak Negeri di Jesselton (Kota Kinabalu) telah meningkatkan taraf pendidikan dan mobiliti sosial mereka. Kerajaan telah memperkenalkan Sekolah Latihan Anak Negeri pada tahun 1915 (ditutup pada tahun 1930) untuk memberi peluang kepada anak-anak pemimpin Murut mendapatkan pendidikan formal. Dalam kalangan anak pemimpin Murut yang mendapat pendidikan di Sekolah Latihan Anak Negeri ialah Telagun yang merupakan anak kepada KAN Bentangan di Siliu. Telagun bin Bentangan yang merupakan bekas pelajar di Sekolah Latihan Anak Negeri Jesselton telah dilantik sebagai Kerani Peribumi di Sepulut dalam tempoh percubaan bermula pada bulan Ogos 1923 (CO 648/9, 496). Demikian juga dengan anak lelaki kepada KAN Enduat di Simentalun yang telah dihantar untuk bersekolah di Sekolah Latihan Anak Negeri ini, tetapi tidak lama kemudiannya telah meninggalkan persekolahannya di Jesselton serta pulang semula ke kampung halamannya (CO 648/9, 121).

Selain itu, pemimpin Murut yang dilantik sebagai KAN telah diberikan peluang untuk menyertai Majlis Penasihat KAN (Native Chiefs Advisory Council, NCAC) yang membolehkan mereka menyuarakan kepentingan komuniti di peringkat yang lebih tinggi. Hal ini memberikan pengiktirafan dan pengaruh yang lebih besar kepada pemimpin Murut dalam pentadbiran kerajaan. Pengiktirafan dan penyertaan dalam pentadbiran oleh pemimpin Murut melalui NCAC merupakan satu lagi implikasi sosial ke atas komuniti Murut. Misalnya, dalam NCAC kali pertama pada tahun 1935, pemimpin Murut diwakili oleh KAN Langitan dari Tenom bersama-sama dengan 12 lagi KAN dari daerah berlainan di Borneo Utara (CO 874/850, 43). Melalui platform NCAC 1935, sebanyak tiga perkara utama berhubung kepentingan masyarakat Murut telah dibincangkan dalam platform ini dan kemudiannya dipersetujui oleh ahli-ahli NCAC (CO 874/850, 39). NCAC pada tahun 1937 pula disertai oleh dua pemimpin Murut, iaitu KAN Bentangan dan KAN Enduat. Dalam NCAC 1937, pemimpin Murut bersepakat dalam menyokong usul pemansuhan Yuran Permit Ladang atau dikenali juga sebagai Cukai Ladang (NBSF No. 284 n.d., 175). Akhirnya pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk memansuhkan Cukai Ladang ke atas peribumi berkuat kuasa pada 1 Januari 1938 (NBSF No. 284 n.d., 183).

Pihak kerajaan didapati telah mengiktiraf peranan KK dan KAN melalui kuasa yang diperuntukkan dalam Ordinan Pentadbiran Peribumi, No. 2/1937. Ordinan Pentadbiran Peribumi 1937 diperkenalkan oleh pihak kerajaan bagi menggantikan Proklamasi atau Ordinan Pentadbiran Kampung 1913. Klausula penting dalam ordinan baharu ini dinyatakan seperti berikut: "Provides for the Governor declaring Native Authorities, the amplification of the power of chiefs and headmen, a clearer definition of the powers of native courts and

the extension of their jurisdiction” (NBSF No. 1091, 68). Ordinan ini dilihat melegitimasi peranan pemimpin peribumi sama ada dalam kalangan KK mahupun KAN yang dilantik kerajaan. Ia juga memberikan kuasa lebih jelas dalam pengendalian MAN oleh pemimpin peribumi. Autonomi kepimpinan peribumi melalui inisiatif pihak kerajaan telah direalisasikan dengan pewujudan Pusat Pentadbiran Peribumi Bingkor, Keningau pada bulan Mei 1937 (NBSF No. 73C, 64). Pusat pentadbiran ini dipimpin oleh OKK Sedomon bin Gunsanad (suku Kwijau) dengan tanggungjawab mengawal selia sebanyak 12 buah kampung yang berkepadatan seramai 2,700 orang (Sabihah Osman 1989, 204).

Sebenarnya, pengaruh dan kewibawaan pemimpin Murut turut membawa kesan positif terhadap perkembangan aspek sosioekonomi. Pemimpin suku Bokaan, iaitu KAN Arusap bin Sokongan⁷ yang berasal dari Tulid telah menjadi agen perubahan dalam aspek sosioekonomi dengan menggalakkan kegiatan penanaman padi sawah melalui kaedah moden (Keith 2001, 103). Sumbangan kepimpinan KAN Arusap ialah kejayaan beliau menggerakkan komuniti Bokaan untuk membina sekolah di Tulid sekitar tahun 1950-an dengan dorongan daripada pegawai kerajaan, Stephen Holley (Holley 2004, 63). Selain itu, Arusap juga telah bekerjasama dengan Holley dalam melaksanakan pembesaran laluan jalan dari Sook ke Tulid untuk memudahkan pembinaan rangkaian tiang telefon. Akhirnya komunikasi telefon turut dapat disambungkan sehingga ke Tulid dan berfungsi (Holley 2004, 80–82). Secara tidak langsung, melalui pembangunan infrastruktur ini telah meningkatkan taraf hidup komuniti Bokaan.

Selanjutnya pada zaman pentadbiran kerajaan British, tatacara tradisional bagi pemilihan pemimpin semakin terpinggir amalannya dalam sistem pentadbiran kerajaan. Namun dalam kes-kes tertentu, keluarga yang mempunyai susur-galur kepimpinan tradisional masih kekal terpilih sebagai pemimpin di peringkat kampung oleh pihak kerajaan. Laporan oleh D. Headly pada tahun 1949 (NBSF No. 594 1949, 20–21) menjelaskan seperti berikut:

Ketua kampung adalah dilantik oleh Residen di bawah Seksyen 2(i) Ordinan Pentadbiran Peribumi. Walaupun terdapat sistem kelas di mana ketua kampung biasanya berasal daripada keluarga tertentu, pemilihan mereka juga bergantung kepada ciri peribadi, kebolehan dan hubungan dengan ketua sebelumnya. Kerajaan tidak secara khusus memilih ketua dari keluarga tersebut, malah maklumat tentang mereka agak terhad. Namun, ketua yang tidak mendapat sokongan penduduk kampung tidak akan dipilih, maka kebanyakan ketua memang berasal dari keluarga yang dihormati. Tradisi kepimpinan oleh ketua kampung diterima secara meluas dan mereka sentiasa dianggap penting serta berkuasa dalam komuniti kampung [terjemahan oleh penulis].

Dihuraikan lagi tentang aspek kepemimpinan KK (NBSF No. 594 1949, 21):

Secara umumnya, Ketua Kampung bukanlah seorang pegawai kerajaan. Peranan utamanya adalah menjadi orang tengah untuk menyelesaikan konflik dalam kampung terutamanya yang berkaitan dengan pelanggaran adat. Dalam menjalankan tanggungjawab ini, beliau sering mengajak para “golongan Tua” kampung untuk bersama-sama membuat keputusan. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa bukan sahaja dalam kes pertikaian, malah semua isu penting kampung akan dibincangkan secara bersama dalam satu majlis tidak rasmi yang dianggotai oleh pemimpin-pemimpin utama kampung [terjemahan oleh penulis].


Walaupun kerajaan British melantik pemimpin berdasarkan kriteria moden, namun terdapat kes pelantikan pemimpin yang masih berasal daripada keluarga yang mempunyai susur-galur kepemimpinan. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Murut masih menerima sistem warisan dan tradisi dalam pemilihan pemimpin. Misalnya, di kawasan Dalit, pemimpin suku Peluan iaitu KAN Usang mempunyai pengaruh kepemimpinan yang besar dan diterima meluas dalam komuniti Peluan. Malah, anak lelaki kedua beliau iaitu Usip turut mengikut jejak kepemimpinannya apabila dilantik sebagai KAN pada tahun 1955 (Landgraf 1956, 14).

Selain itu, sebilangan OT atau KK Murut mempunyai pembantunya yang digelar sebagai “wakil”. Contohnya pada tahun 1921, wakil kepada OT Pansuan dari Pahl, Tenom, iaitu Marian telah dilantik oleh Residen Pedalaman bagi menggantikan tugas dan mewakili peranan Pansuan yang sudah agak berumur dan tidak lagi mampu menghadiri sidang bicara di mahkamah serta melaksanakan tanggungjawab yang lain (CO 648/9, 254). Manakala pada tahun 1941, komuniti Murut di Kampung Kalungunon, Ulu Tagul pula mempunyai OT mereka, iaitu Malulor dan Batuan pula sebagai wakil (Clarke 1952, 34).

Pewujudan jawatan Wakil Ketua Kampung (WKK) bagi membantu KK (masih mendapat gelaran sebagai OT sehingga tahun 1967) merupakan antara aspek modenisasi dalam kepemimpinan peribumi. Skop tanggungjawab WKK berpusat di perkampungan masing-masing serta kadangkala meliputi beberapa buah kampung. Bidang kuasa WKK bagi membantu KK meliputi urusan seperti pendaftaran kelahiran, perkahwinan dan kematian, pembayaran cukai serta penyelesaian kes-kes yang berada dalam bidang kuasa MAN (Prentice 1972, 24).

Dalam pada itu, jawatan KAN masih dikekalkan sepenuhnya ketika pentadbiran kerajaan British dari tahun 1946 sehingga 1963 (Mosli Tarsat 2009, 230). Pada tahun 1960, gred jawatan KAN terbahagi kepada dua, iaitu Ketua Daerah (KD) dan KAN dengan mempunyai surat kuasa dan lencana yang berbeza. Peranan

KD sebagai majistret ialah mengendalikan proses kehakiman di MAN dalam daerahnya mengikut Native Court Ordinances, Cap. 86, manakala KAN pula akan menjadi ahli MAN (*Special Regulations, The Native Chiefs* 1960, 1–2). Pada tahun 1961, terdapat syor yang menggesa supaya pelantikan KK dan KAN dibuat dalam kalangan golongan muda yang aktif dan bersemangat untuk memimpin komuniti masing-masing secara berkesan serta haruslah mempunyai standard pendidikan yang bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga syor agar dinaikkan kadar imbuhan dan gaji bagi KK dan KAN. Hal ini kerana kalangan pemimpin peribumi di kebanyakan daerah telah meluahkan isu ketidakpuasan hati mereka dengan kadar imbuhan dan gaji yang diberikan (Miscellaneous File. F/VI No. (7) 1961). Rajah 2 memaparkan struktur kepimpinan moden bagi masyarakat Murut selepas tahun 1946.



Rajah 2. Aliran struktur kepimpinan moden Murut di Borneo Utara ketika era pentadbiran kerajaan British, 1946–1963

Institusi kepimpinan moden Murut amat memainkan peranan penting dalam proses pentadbiran peringkat daerah di bawah arahan pegawai kerajaan. KAN mahupun KD merupakan jawatan tertinggi dalam sistem kepimpinan peribumi di Borneo Utara. Jadual 4 memaparkan senarai KAN Murut ketika era pemerintahan kerajaan British bagi Residensi Pedalaman dan Labuan pada tahun 1952.

Jadual 4. Senarai KAN Murut mengikut gred jawatan bagi daerah pentadbiran di Residensi Pedalaman dan Labuan, Borneo Utara pada tahun 1952

Daerah	Kawasan	Nama KAN	Gred
Sipitang	Sindumin	Mulok bin Magau	III
	Eburu	Andulon bin Naga	III
Tenom	Tenom	Angkai	II
	Tenom	Inggu	III
Keningau	Keningau	OKK Koroh	II
	Keningau	Arusap bin Sokongan	III
Pensiangan	Pensiangan	Sigoh bin Singkunan	III
	Sepulut	Dosoi bin Tamamdul	III

Sumber: Miscellaneous File No. F/I (2) (1952)

Berdasarkan Jadual 4 terdapat lapan KAN berketurunan Murut daripada seramai 22 KAN di Residensi Pedalaman dan Labuan pada tahun 1952. Sementara itu, terdapat lapan daerah yang terletak di bawah pentadbiran Residensi Pedalaman dan Labuan, iaitu Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Keningau, Tambunan, Pensiangan dan Labuan. Setiap daerah pentadbiran mempunyai KAN yang mewakili suku Brunei, Dusun, Bisaya, Kedayan dan Murut (Miscellaneous File, No. F/I (2), 16). Aspek kepemimpinan KAN di Residensi Pedalaman dan Labuan pada tahun 1952 pula dilaporkan dengan pernyataan berikut: “Most Native Chiefs are broadening their outlook and are really anxious to do the best for their people and are willing to accept advice and to put such into practice”. Demikian juga hubungan baik yang wujud antara pihak kerajaan dengan masyarakat setempat di Residensi Pedalaman dan Labuan (Miscellaneous File, No. F/I (2) 1952, 16–17). Oleh yang demikian, secara umumnya aspek kepemimpinan moden peribumi yang ditransformasikan oleh pihak British diterima baik oleh golongan pemimpin dan komuniti setempat.

Jelas bahawa pihak SBUB dan kerajaan British telah membawa transformasi dan modenisasi kepemimpinan Murut dalam aspek pemilihan dan pelantikan, pewujudan gred jawatan, penyenaraian bidang tugas serta pemberian emolumen bulanan bagi KK dan KAN. Peranan KK dan KAN Murut dalam aspek perundangan dan kehakiman anak negeri turut diperincikan oleh pihak SBUB dan kerajaan British. Secara tidak langsung, perubahan kepemimpinan Murut ke arah yang lebih moden dan sistematik turut mempengaruhi perkembangan sosioekonomi masyarakat Murut.

Kesimpulan

Institusi kepimpinan tradisional masyarakat Murut berpusat di rumah panjang atau perkampungan yang berkembang melalui sistem suku dengan bertunjangkan adat leluhur. Golongan pemimpin tradisional Murut dikenali sebagai *ama*, *Matuo nu Samayaan* dan *Puruan Tadung*. Namun, perubahan terhadap institusi kepimpinan tradisional masyarakat Murut mulai berlaku melalui pelaksanaan dasar-dasar British, terutama Proklamasi Pentadbiran Kampung 1891, Peraturan Pentadbiran Kampung 1903 dan 1913, Skim Klasifikasi KAN 1912 dan 1916 serta Ordinan Pentadbiran Peribumi 1937. Dasar pihak British ini membawa transformasi dan modenisasi dalam sistem dan institusi kepimpinan Murut. Oleh yang demikian, muncul golongan pemimpin moden yang menerima lantikan sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Walaupun pemimpin tradisional digantikan oleh pemimpin moden, legasi kepimpinan tradisional terus kekal melalui penglibatan pemimpin Murut dalam aspek perundangan adat dan kehakiman anak negeri secara lebih sistematik. Akhir sekali, kesinambungan

peranan dan pengiktirafan pemimpin moden masyarakat Murut dalam aspek pentadbiran dan politik selepas penubuhan Malaysia merupakan fokus kajian yang wajar dilanjutkan pada masa akan datang.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas sokongan yang diberikan bagi penerbitan makalah ini. Terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang membantu penulis mendapatkan bahan dalam penyempurnaan kajian ini.

Nota

1. Populasi Murut di Borneo Utara sewaktu zaman pentadbiran kerajaan British berdasarkan data Banci Penduduk 1960 ialah seramai 22,138 orang atau sebanyak 7% daripada keseluruhan populasi peribumi di Borneo Utara yang berjumlah 306,498 orang (Jones 1960, 51).
2. Istilah Sabah bagi merujuk Borneo Utara yang terletak di utara pulau Borneo sebenarnya telah mula digunakan dalam dokumen rasmi sejak tahun 1877 lagi (Wong 2015, 162).
3. Masyarakat Murut di Sarawak kebanyakannya mendiami kawasan dari Teluk Brunei ke Limbang, Pandaruan, Temburong, Batu Apoi, Trusan, Lawas, Mangalong, hulu Padas dan hulu Baram. Suku-suku yang tergolong dalam masyarakat Murut di Sarawak ialah Pa Matang, Kelabit, Lun Bawang, Pa Kemaloh, Lun Daya, Balait dan Tabun (Cense dan Uhlenbeck 1958, 21–23).
4. Dalam institusi kepimpinan di bawah pemerintahan Sultan Brunei, terdapat pemimpin bertaraf menteri yang membantu pentadbiran sultan. Jawatan yang disandang dikenali dengan beberapa istilah seperti empat pembesar kelas pertama iaitu Wazir (Pengiran Bendahara, Pengiran di-Gadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggong), lapan pembesar kelas kedua dikenali sebagai Chetria (Pengiran Shahbandar, Paduka Tuan, Maharaja Dinda, Suma Nagara, Kerma Indra, Si Raja Muda, Setia Nagara dan Derma Putra) dan pembesar kelas ketiga iaitu seramai 32 Mentri yang merupakan pegawai negara yang berpengaruh yang dipilih mewakili daerah atau kampung di serata Brunei (Hughes-Hallet 1940, 31). Sementara itu, wujud juga penggunaan gelaran bagi para hulubalang dan pegawai istana di dalam dan di luar istana, antaranya seperti Maharaja Karna, Maharaja Selia, Maharaja Permai Sura, Orang Kaya Seri Setia Pahlawan, Orang Kaya Laksamana, Orang Kaya Indera Gala, Harimau Sultan, Singa Pahlawan, Singa Naga, Singa Lela, Singa Jaya dan Panglima Sultan (Sweeney 1968, 15, 47–48).

5. Charles Vandeleur Creagh merupakan Gabenor Borneo Utara dari tahun 1888 sehingga 1890, dan kemudiannya Gabenor Borneo Utara dan Labuan dari tahun 1890 sehingga persaraan beliau pada tahun 1895. Gabenor Creagh lebih menekankan kepada aspek pentadbiran dan pengurusan berkaitan isu-isu tanah di Borneo Utara (Wong 2009, 41).
6. Pengiktirafan kalangan pemimpin peribumi yang dipilih dan dilantik khususnya sebagai KAN telah dikuatkuasakan melalui pewujudan Skim KAN Gred I dan II pada tahun 1912 (Sullivan dan Leong 1981, 100). Kemudiannya Skim KAN Gred III pula diwujudkan pada tahun 1916 (NBSF No. 141, 4).
7. Arusap telah berkhidmat sebagai pembantu suruhan kepada pegawai kerajaan, iaitu H.G. Keith sekitar tahun 1930-an. Holley dalam buku memoirnya ada menyebut tentang Arusap: "He elicited a certain reverence from his tribesmen, for during his years of service to Harry and Agnes Keith he had grown familiar with the peculiar ways of the white man and the world outside" (Holley 2004, 76). Manakala Penguasa Hutan, iaitu H.G. Keith ada menyuarakan pendapatnya sebegini: "Arusap of course, is a born leader and, I think, of a family traditionally associated with leadership" (NBSF No. 594 1949, 46).

Rujukan

- Appell, G.N. 1968. A survey of the social and medical anthropology of Sabah: Retrospect and prospect. *Behavior Science Notes* 3(1): 1–54. <https://doi.org/10.1177/106939716800300101>
- Black, I. 1983. *A gambling style of government: The establishment of the chartered company's rule in Sabah, 1878–1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Brooks, R.J. 1995. *Under five flags*. Durham: The Pentland Press.
- Buckley, C. 1965. *A school history of Sabah*. Reprinted. London: Macmillan & Co Ltd.
- Buyong Adil. 1981. *Siri sejarah Nusantara: Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cense, A.A. and Uhlenbeck, E.M. 1958. Sarawak Murut dialects. In *Critical survey of studies on the languages of Borneo*, eds. A.A. Cense and E.M. Uhlenbeck, Vol. 2, 21–23. Dordrecht: Springer.
- Chow, A.Y.S. 2016. *Keningau: Heritage and legacy in the interior residency*. Sabah, Malaysia: Opus Publications.
- Clarke, M.C. 1952. The Murut home. Part II. *Man* 52: 34–36. <https://doi.org/10.2307/2839332>
- CO 531/25/8. 1934. Murut population: Threat of extinction and injustice of ungraduated poll-tax. Supplement to estimates for 1934. Interior Residency – Native Chiefs. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- CO 648/9. 1921. *Annual report 1921. Tenom district*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- CO 874/850. *Minit Mesyuarat Majlis Penasihat Ketua-Ketua Anak Negeri yang berlangsung di Sandakan*. Native Advisory District Councils, 1915–1942. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Daily Express. 2014. Looking back: North Borneo war scars. 8 November.

- Despatches. 1907. Governor to Chairman. Despatches and savingrams. 1906–1907. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Forbes-Mosse, W. 1887. A fortnight in Peluan Houses. *The British North Borneo Herald*, 1 April. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Gudgeon, L.W.W. 1913. *British North Borneo*. London: A. and C. Black.
- Gueritz, E.P. 1884. British North Borneo. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 14: 323–335.
- Headly, D. 1949. Report on the possibility of establishing native authorities in North Borneo. NBSF no. 594. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Holley, S. 2004. *A white headhunter in Borneo*. Sabah, Malaysia: Natural History Publications (Borneo).
- Hughes-Hallet, H.R. 1940. A sketch of the history of Brunei. *The Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 18(2): 137.
- Jones, L.W. 2007. *The population of Borneo: A study of the peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*. Reprint. Sabah, Malaysia: Opus Publications.
- _____. 1960. *North Borneo. Report on the census of population*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Julius, E.A. and Wong, D.T.K. 2024. Transformasi sistem adat dan kehakiman Murut sewaktu pemerintahan Syarikat Borneo Utara British. *Sejarah* 33(2). <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol33no2>
- Kahin, G.M.T. 1947. The state of North Borneo 1881–1946. *The Far Eastern Quarterly* 7(1).
- Keith, A.N. 2010/1939. *Land below the wind*. Sabah, Malaysia: Opus Publications/London: Michael Joseph Ltd.
- _____. 2001. *White man returns*. Sabah, Malaysia: Natural History Publications.
- Khoo, K.K., ed. 1981. *Sabah: History and society*. Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society.
- Landgraf, J.L. 1956. *Interim report amongst the Muruts in 1954–1955*. Paper No. 12 of 1957. Sabah, Malaysia: Government Printing Department.
- Lee, E. 1976. *The towkays of Sabah: Chinese leadership and indigenous challenge in the last days of British rule*. Singapore: Singapore University Press.
- Lee, Y.L. 1962. The population of British Borneo. *Population Studies* 15(3): 226–243.
- Lovegrove, L. 1912. British North Borneo. *Journal of the Royal Society of Arts* 60(3099): 545–554.
- Miscellaneous File. No. F/I (2). 1952. *Labuan and interior residency. Administration annual report*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Miscellaneous File. No. F/VI (7). 1961. *Report of the Committee on Native Needs*. Colony of North Borneo. 17 July 1961. Council paper no. 32 of 1961. Jesselton: North Borneo Government Printing Office. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Moo-Tan, S., ed. 2018. *The diaries of George C. Woolley, Volume 4: 1919–1926*. Sabah, Malaysia: Department of Sabah Museum.
- Mosli Tarsat. 2009. Kerelevanan dan prospek jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu perspektif sejarah. *Sosiohumanika* 2(2): 227–252.
- NBSF (North Borneo Secretariat File) No. 73C. 1937. *Native Chief Advisory Council Meetings 1937*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- NBSF No. 1091. 1938. *Surat Penasihat Undang-undang kepada Setiausaha Kerajaan*. 18 March 1938. *Summary of Legislation during 1937 in the State of North Borneo*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- NBSF No. 1178. n.d. *Native liquors taxation*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.

- NBSF No. 141. 1923. Surat Residen Pedalaman G.C. Woolley kepada Setiausaha Kerajaan. Dalam lampiran Skim Klasifikasi K.A.N. 5 Januari 1923. Dan salinan surat Residen Pantai Barat G.C. Irving kepada Setiausaha Kerajaan. 21 May 1923. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- NBSF No. 284. n.d. *Shifting Cultivation and Ladang Ordinance*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- NBSF No. 594. 1949. *A report on the possibility of establishing native authorities in North Borneo* by D. Headly. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- NBSF No. 735. 1935. *Memorandum on indirect rule and the system of administration of the natives of North Borneo*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Padasian, J.M. 1981. *Sejarah Sabah dalam gambar (1881–1981)*. Sabah, Malaysia: Jawatankuasa Penerbitan Perayaan Sabah 100 Tahun, Kerajaan Negeri Sabah.
- Phelan, P.R. 2003. *The traditional legal system of Sabah*. Sabah, Malaysia: Pusat Kajian Borneo, Yayasan Sabah.
- Prentice, D.J. 1972. Idahan Murut. In *Ethnic groups of insular Southeast Asia*, ed. F.M. LeBar, Vol. 1. New Haven: Human Relations Area Files Press.
- Roth, H.L. 1896a. *The natives of Sarawak and British North Borneo*. Preface by Andrew Lang. Vol. 1. London: Truslove & Hanson.
- _____. 1896b. *The natives of Sarawak and British North Borneo*. Preface by Andrew Lang. Vol. 2. London: Truslove & Hanson.
- Rutter, O. 2008/1922. *British North Borneo: An account of its history, resources and native tribes*. Sabah, Malaysia: Opus Publications/London: Constable & Company Limited.
- _____. 2007/1929. *The pagans of North Borneo*. Sabah, Malaysia: Opus Publications/London: Hutchinson & Co. (Publishers) Ltd.
- Sabihah Osman. 1989. The role of Governor D.J. Jardine in improving the welfare of the indigenous people of Sabah, 1934–37. *Journal of Southeast Asian Studies* 20(2): 196–215.
- _____. 1985. *Pentadbiran bumiputera Sabah 1881–1941*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia–Yayasan Sabah.
- Singh, D.S.R. 2000. *The making of Sabah 1865–1941: The dynamics of indigenous society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Siti Aidah Hj Lokin. 2007. *Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah (1881–1963)*. Sabah, Malaysia: Penerbit UMS.
- Special Regulations, The Native Chiefs*. 1960. Sabah, Malaysia: The Government Printing Department.
- Spitzack, J.A. 1984. The Murutic language family. In *Languages of Sabah: A survey report*, eds. J.K. King and J.W. King. Canberra: The ANU Printing Service.
- State of North Borneo Annual Report for 1918*. 1918. Annual report on the interior residency. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- State of North Borneo Annual Report for 1917*. 1917. Rundum annual report on the interior residency. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Sullivan, A. and Leong, C., eds. 1981. *Commemorative history of Sabah, 1881–1981*. Sabah, Malaysia: Sabah State Government.
- Sweeney, P.L.A. 1968. Silsilah raja-raja Berunai. *The Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41(2): 214.
- The British North Borneo Herald (BNBH)*. 1919. Sideshow. 1 May. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1913a. Rundum District – April. 16 July. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.

- _____. 1913b. W.I. the old order changeth. 1 February. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1910. 16 June. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1909. Interior notes. 1 July. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1908a. 1 February. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1908b. 17 February. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1908c. 1 August. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1904. 16 March. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1901. 16 March. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1899. 15 April. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1896a. 16 March. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1896b. 16 April. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1895. 1 November. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1894. 1 July. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1893a. 1 February. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1893b. 1 August. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1893c. 1 October. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1893d. 1 December. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1890. Among the Tungaras of the Quarmote. 1 January. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1886a. 1 January. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1886b. 1 October. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1886c. 1 November. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1886d. Diary of Mr. D. Daly's trip up the Kinabatangan River. 1 December. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1885. 1 December. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1884. Law in North Borneo. Second Article. 1 March. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- The British North Borneo Official Gazette*. 1902. 3 November. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1891. L.P. Beaufort, Government Secretary. Proclamation – No. II, of 1891. To establish a system of village administration in North Borneo. No. III–Vol. IX. 1 March.
- _____. 1888. By the Governor's command, L.B. von Donop. Government Secretary. 1 November. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Treacher, W.H. 1891. *British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Reprinted from the *Journal of the Straits Settlements Branch of the Royal Asiatic Society*. Singapore: Government Printing Department.
- Tregonning, K.G. 1965. *A history of modern Sabah (North Borneo 1881–1963)*. 2nd Ed. Singapore: University of Malaya Press.
- _____. 1960. *North Borneo*. London: H.M. Stationery Office.
- _____. 1958. *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881–1946)*. Singapore: University of Malaya Press.
- Warren, J.F. 1971. *The North Borneo Chartered Company's administration of the Bajau 1878–1909: The pacification of a maritime, Nomadic People*. Ohio: Ohio University.
- Wheatley, J.E.G. 1894. Diary for February, 1894. *The British North Borneo Herald*, 1 July. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- _____. 1893a. Interior–Diary for June and July, 1893. *The British North Borneo Herald*, 1 October. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.

- _____. 1893b. Magistrate interior. Diary for May and part of June 1893. *The British North Borneo Herald*, 1 August. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Whelan, F.G. 1970. *A history of Sabah*. Singapore: Macmillan.
- _____. 1968. *Stories from Sabah history*. Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Wong, D.T.K. 2015. The name of Sabah and the sustaining of a new identity in a new nation. *Archipelago* 89: 161–178.
- _____. 2009. *Governors of British North Borneo and Heads of State of Sabah: A brief history*. Sabah, Malaysia: Sabah State Library.
- _____. 2005. *Historical Sabah: The Chinese*. Sabah, Malaysia: Natural History Publications (Borneo).
- _____. 2004. *Historical Sabah: Community and society*. Sabah, Malaysia: Natural History Publications (Borneo).
- _____. 1998. *The transformation of an immigrant society: A study of the Chinese of Sabah*. London: Asean Academic Press Ltd.
- Woolley, G.C. 2004. *The Timogun Muruts of Sabah*. Introduction by Danny Wong Tze Ken. Sabah, Malaysia: Natural History Publications (Borneo).